

lampumerah

Benjy ditangkap kali ketiga



ANAK BIRU? Azean Irabwayi arahan bagi membantu siasatan kes dadah... Benjy ditangkap kali ketiga... Keratan akhbar Kosmo! 7 Mac 2015.

Gagal bayar denda RM4,500 kerana kesalahan dadah Mamat Exists dipenjara 8 bulan



DAHULU dia merupakan salah seorang artis yang terkenal dengan lagu 'Love You' dan 'Take Care B'. Mamat Exists dipenjarakan kerana gagal membayar denda RM4,500 kerana kesalahan dadah... Keratan akhbar Kosmo! 2 April 2015.



SALEEM

KERATAN akhbar Kosmo! 2 April 2015.

EKSTRA Kes-kes artis terlibat dadah

Disember 2004 BEKAS penyanyi kumpulan Iklim, Saleem dijatuhi hukuman penjara 12 bulan oleh Mahkamah Majistret Kuala Lumpur setelah mengaku bersalah atas dua tuduhan memiliki dadah. Saleem yang terkenal dengan lagu Suci Dalam Debu didapati bersalah memiliki satu pekuk plastik yang mengandungi 0.06 gram campuran heroin dan monoacetylmorphine.

May 2008 BINTANG aksi Bollywood, Jackie Shroff membuat pinjaman wang daripada penerbit Sajid Nadiadwala kerana mengalami masalah krisis kewangan yang berpunca daripada masalah dadah.

Jun 2010 SAIFUL Apek ditangkap bersama empat pekerja syarikat, Gitu-Gitu Production termasuk seorang wanita dalam satu sebuah polis di sebuah kondominium di Bandar Sunway atas pertuduhan memasukkan dadah kanabis dalam badan.

May 2013 BINTANG filem Mean Girls, Lindsay Lohan dimasukkan ke dalam lokap selepas mengaku pernah mengambil dadah jenis kokain sebanyak empat atau lima kali. Dia diletakkan di bawah pengawasan polis sejak 2007 apabila ditahan buat kali pertama kerana memandu di bawah pengaruh alkohol.

Artis dibelenggu dadah

Rawatan pemulihan dadah yang berteraskan agama masih kurang dibincangkan dan diambil kira masyarakat serta pihak bertanggungjawab.

Oleh NURUL NAFISAH MAZLAN nurul.mazlan@kosmo.com.my

“LOVE you (saya cintakan awak) dan 'take care B' (jaga diri B),” itulah ungkapan yang diucapkan berkali-kali oleh Nor Azeana Ramli, isteri kepada bekas vokalis kumpulan Exist, Ezad atau nama sebenarnya, Mohd. Rohaizad Mohamad Lazim, 35.

Nor Azeana berkata demikian sejourus Mahkamah Majistret Selayang menetapkan perintah tahanan reman selama empat hari kepada penyanyi yang terkenal menerusi lagu *Hati Mati* bagi membantu siasatan tuduhan memiliki dadah jenis syabu.

Ezad ditahan pada November 2014 di pekarangan tempat letak kereta di sebuah kompleks beli-belah Selayang, Selangor oleh sepasukan polis Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak pada pukul 1.30 petang.

Ketika ditahan, Ezad yang pernah membintangi filem *Mami Jarum* dan *Tangkai Jering* berada dalam sebuah kereta jenis Toyota Wish. Menerusi siasatan, pihak polis menjumpai satu paket plastik lut sinar yang disyaki mengandungi dadah.

Dalam pada itu, pada 28 Mac 2015, pelakon Khaeryll Benjamin Ibrahim, 37, atau Benjy ditahan buat kali keempat atas kesalahan memiliki dadah dan peralatan yang dipercayai untuk memproses bahan terlarang itu.



BENJY

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Johor, Asisten Komisioner Zulkifli Ali berkata, Benjy ditahan dalam satu sekatan jalan raya yang dilakukan di hadapan sebuah stesen minyak di Pagoh, Muar, Johor pukul 1.40 pagi.

Penjara

“Pihak polis menemukan satu beg di tempat letak kaki bahagian pemandu. Di dalamnya terdapat empat paket plastik mengandungi dadah disyaki syabu dengan anggaran berat 52.27 gram.

“Pemeriksaan lanjut menemukan satu paket dadah juga disyaki syabu dengan anggaran berat 1,073 gram.

“Seterusnya pemeriksaan dalam bonet kereta menemukan satu kotak yang di dalamnya terdapat beberapa botol plastik dan kaca,” katanya.

Menurut Zulkifli, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah

Berbahaya dan jika disabit kesalahan ia boleh membawa hukuman gantung sampai mati.

Terbaharu, bekas vokalis kumpulan Exist yang pertama iaitu Mamat atau nama sebenarnya Mohd. Ali Kamarudin didenda RM4,500 atau penjara lapan bulan oleh Mahkamah Majistret Raub, Pahang selepas mengaku bersalah atas tuduhan memasukkan dadah ke dalam badan.

Mengikut pertuduhan, penyanyi yang popular menerusi lagu *Untukmu Ibu* itu didakwa memasukkan dadah jenis amphetamine ke dalam badan di sebuah rumah di Kuala Lipis, Pahang pada 19 Disember 2013.

Hasil siasatan polis dan ujian air kencing Jabatan Kimia mendapati, pemenang tempat ketiga dan persembahan terbaik menerusi program realiti *Gegar Vaganza* itu positif dadah dan didakwa mengikut Seksyen 15 (1) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Menurut pakar psikologi dari Baitulmuqaddis, David Grossman, terdapat banyak faktor yang boleh mendorong seseorang itu untuk terjebak ke lembah dadah, ia tidak kira sama ada mereka merupakan orang ternama atau rakyat biasa.

Katanya, kurang perhatian daripada ibu bapa, pengaruh rakan sebaya, tekanan perasan, kurang didikan agama dan pengaruh media cetak serta elektronik boleh menjadi

punca kepada masalah penyalahgunaan dadah ini.

“Walaupun begitu, perkara yang paling penting adalah tentang pendirian masing-masing. Tidak kira apa pun puncanya, semua itu terulang kepada diri sendiri,” jelasnya.

Agama

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Madya Mohd. Rusdhan Mohd. Jailani berkata, walaupun telah banyak usaha dan modal disalurkan untuk membendung masalah itu daripada berlaku, namun masih ramai penagih dadah mengulangi perbuatan mereka.

Jelas beliau, perkara itu berlaku kerana rawatan pemulihan dadah yang berteraskan agama masih kurang dibincangkan dan diambil kira.

“Pada hari ini, masyarakat dan pihak bertanggungjawab masih mencari formula terbaik dalam usaha mengatasi masalah penagihan dadah yang terus membelenggu negara tetapi sehingga kini tidak ada satu cara pun yang dapat mematahkan gejala ini.

“Dalam hal ini, gejala dihadapi tidak boleh diubati melalui suntikan, sebaliknya bimbingan rohani menerusi gabungan rawatan yang berteraskan biologi, sosial, psikologi dan agama adalah lebih wajar dipraktikkan,” ujarnya.

BEKAS vokalis kumpulan Exist, Mamat ditahan atas pertuduhan mengambil dadah jenis amphetamine di Mahkamah Majistret Ampang.

